

**PROGRAM DAKWAH BAHAGIAN PEMULIHAN AL-RIQAB, MAIS  
TERHADAP KOMUNITI LGBT: SATU TINJAUAN AWAL**  
***DAKWAH PROGRAM OF RIQAB'S REHABILITATION SECTION, MAIS  
FOR LGBT COMMUNITY: AN EARLY REVIEW***

Siti Solehah Mat Aleh<sup>1</sup>, Noor Hafizah Mohd Haridi<sup>2</sup>, Suriani Sudi<sup>3</sup>, Khairul Hamimah Mohamad Jodi<sup>4\*</sup>

<sup>1</sup> Pelajar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS, annursolehah03@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS, noorhafizah@kuis.edu.my.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS, suriani@kuis.edu.my.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Open University Malaysia OUM, khairul\_hamimah@oum.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

### **Abstrak**

Fenomena LGBT menjadi isu global dan setiap tahun peningkatannya semakin serius. Isu LGBT cukup membimbangkan apabila sebahagian daripada kelompok LGBT adalah golongan terpelajar dan profesional. Kumpulan minoriti ini perlu ditangani dan dibantu secara bijaksana agar mereka kembali kepada fitrah mengikut susur galur Islam yang sebenar. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti program dakwah yang dilaksanakan oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS terhadap golongan LGBT. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi temubual dan analisis dokumen. Hasil daripada kajian ini, penulis mendapati bahawa telah banyak aktiviti atau program dakwah yang dilaksanakan oleh pihak MAIS terhadap golongan sasaran. Program dakwah dilihat suatu inisiatif awal untuk membantu komuniti LGBT dalam usaha menjalani kehidupan yang selari dengan tuntutan Syariat. Dakwah adalah satu program yang terancang dan boleh membawa kepada pengamalan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang individu. Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa wujud pelbagai halangan dan cabaran dalam perlaksanaan program-program tersebut yang boleh menjelaskan matlamat yang ingin dicapai.

### **Kata kunci**

Program dakwah, LGBT, Bahagian Pemulihan A-Riqab, MAIS

### **Abstract**

*The LGBT phenomenon is becoming a global issues and ever year the number is increasing and getting more serious. In addition, the LGBT issue is quite worrying, when some of the LGBT groups come from the educated and professional group. This minority group needs to be dealt with and assisted wisely, so that they return to true fitrah ( which translates as disposition ), and guided by true Islamic teachings. The main objective of this study, is to identify the dakwah program, which implemented by the Riqab's Rehabilitation Section, MAIS specifically for the LGBT groups. This study applies the qualitative methods, through interviews and document analysis. As a result of this study, I found that there have been many dakwah activities and programs implemented and carried out by MAIS towards the target group. The program is seen as an initial initiative to help the LGBT community in an*

*effort to live life which is according to Syariah requirements. Dakwah is a well planned program and can lead to the practice and appreciation of Islam in an individual. However, undeniable that there are variety of obstacles and challenges in the implementation of those programs that also can affect the goals to be achieved.*

**Keywords**

*Dakwah Program, LGBT, Riqab's Rehabilitation Section, MAIS*

---

**1.0 Pengenalan**

Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender atau akronimnya sebagai LGBT ini dianggap sebagai satu cara hidup yang bertentangan dengan fitrah (Hafizah & Norsaleha, 2016). Ia adalah singkatan bagi pengenalan diri berdasarkan kepada orientasi seks. Umumnya, kegiatan mereka mempunyai kaitan dengan keinginan manusia untuk merubah fitrah asal kejadian mereka kepada personaliti yang bertentangan. Sesetengah pihak menambah akronim ini kepada LGBTIQ, di mana I untuk intersex dan Q untuk queer. Golongan ini juga digelar sebagai golongan songsang kerana mereka berkelakuan bertentangan dengan jantina sebenar. Golongan ini menganggap bahawa identiti jantina mereka adalah sepatutnya berbeza daripada apa yang sepadan dengan alat seks mereka secara fisiologi (Fitri et al., 2019).

Dunia globalisasi selangkah dengan peredaran zaman telah mengubah struktur masyarakat daripada tradisional kepada kompleks bagi mengharungi arus kehidupan yang semakin membangun. Globalisasi tidak saja ditandai dengan dominasi ekonomi tetapi merentasi ke arah budaya dan pemikiran. Pembudayaan bandar (*cityculture*) menuruti landasan barat berlaku dengan lebih pantas dan agresif dengan adanya teknologi maklumat dan multimedia sebagai kenderaan yang amat berkesan untuk melakukan agenda globalisasi. Perubahan era globalisasi yang semakin moden menyebabkan kehidupan masyarakat telah mencorak dan menciptakan sejumlah konsep, istilah dan teori baru mengikut logik akal sendiri sehingga membawa kepada pelbagai pemasalahan sosial (Khilman, 2015).

Gejala sosial yang kian melanda masyarakat di Malaysia seolah-olah tiada penghujung, malah semakin berleluasa saban hari. Sejak akhir-akhir ini, kegiatan LGBT semakin mendapat perhatian dan acap kali dijadikan bahan perbualan dalam kalangan anggota masyarakat. Gejala LGBT telah menjadi cara hidup yang diterima oleh masyarakat luar dan kini sedang meresap masuk ke ruang atmosfera kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Namun, masyarakat Malaysia sangat sensitif dengan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia (Mahfudzah, 2015). Oleh itu, golongan LGBT mendapat kecaman hebat di kalangan masyarakat Islam Malaysia (Hafizah & Norsaleha, 2016).

Islam melarang perbuatan menyerupai jantina berlawanan dan perbuatan songsang. Menyoroti sejarah lalu, isu mengenai LGBT telah lama wujud dalam pengetahuan umat Islam pada ribuan tahun yang lalu. Di dalam Al-quran, Allah SWT telah menceritakan kewujudan perkumpulan manusia seperti ini dalam kisah kaum Nabi Lut A.S iaitu kaum Sodom yang akhirnya membawa kepada kemusnahan seluruh kaum akibat orientasi songsang mereka sendiri. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلُوطاً إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقُكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ (80) إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ

شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُسْرِفُونَ (81)

Maksudnya: "Dan (Kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada mereka, "Mengapa kalian mengerjakan perbuatan fahisyah itu, yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun (di dunia ini) sebelum kalian?" Sesungguhnya kalian mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu kalian (kepada mereka), bukan kepada wanita, bahkan kalian ini adalah kaum yang melampaui batas"

Surah Al-A'raf (7):80-81

Undang-undang Malaysia menetapkan bahawa sesiapa yang didapati mengamalkan kegiatan di luar tabii boleh didakwa mengikut Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang luar tabie. Kesalahan LGBT juga termaktub di bawah Akta 559 iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 di bawah Seksyen 25 (Liwat), 26 (Musahaqah), 27 (Khalwat) dan 28 (Orang lelaki berlagak seperti perempuan) (Azman et al., 2019; Izzat Amsyar Mohd Arif et al., 2018; Mohamad Afandi Md Ismail, 2019; Mohamad, 2015; Noor Hafizah Haridi et al., 2016).

Fenomena LGBT menjadi isu global dan setiap tahun peningkatannya semakin serius. Berdasarkan kepada laporan sektor HIV/STI, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, sebanyak 57 peratus kes HIV dicatatkan pada tahun 2018 yang membabitkan individu yang mengamalkan seks songsang. Isu LGBT umpama barah dalam kalangan masyarakat kesan daripada gelombang budaya barat berideologi sekularisme yang menyelinap masuk ke dalam diri masyarakat seterusnya mempengaruhi perwatakan individu daripada aspek pemikiran, Gaya hidup dan tingkah laku (Muhammad Rashidi, 2017). Kumpulan minoriti ini cukup membimbangkan apabila secara tidak sedar mempengaruhi generasi muda kepada tingkah laku sonsang (M.Afandi, 2019). Fenomena ini bukan sahaja melibatkan remaja-remaja yang berpeleseran tetapi juga di institusi-institusi pengajian tinggi yang kita percaya boleh membentuk peribadi dan sahsiah pelajar, malahan juga lebih menyediakan turut menyelinap dalam kumpulan professional (Arif & Zubaidah, 2019).

Kumpulan minoriti ini perlu ditangani dan dibantu secara bijaksana agar mereka kembali kepada fitrah mengikut susur galur Islam yang sebenar. Pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil daripada pelbagai pihak yang terlibat bagi menangani isu berkenaan antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, Badan bukan kerajaan serta perseorangan. Selain itu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut bertanggungjawab dalam memulihkan dan mengurangkan bilangan LGBT di negara ini iaitu mengadakan beberapa program untuk memulihkan golongan LGBT dan mendekatkan mereka kepada agama. Program-program tersebut dikendalikan oleh satu bahagian di bawah MAIS iaitu Bahagian Pemulihan Al-riqab. Program dakwah dilihat suatu inisiatif awal untuk membantu komuniti LGBT dalam usaha menjalani kehidupan yang selari dengan tuntutan

Syariat. Dakwah adalah satu program yang terancang dan boleh membawa kepada pengamalan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang individu.

## **2.0 Definisi Program Dan Aktiviti Dakwah**

Secara umumnya, dakwah jika dikaitkan dengan agama adalah suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudannya (agama) dalam realiti kehidupan yang dapat dirasai dan dikesan (Abdullah Muhammad Zin: 1997). Menurut al-Qardawi dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah swt dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini. Selain itu menundukkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat setia hanya kepada Allah, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang lain dari Allah (*thagħut*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar dan berjihad pada jalanNya (AlQardawi:1983).

Muhammad al-Ghazali (1985) menegaskan bahawa dakwah adalah satu program yang sempurna dan lengkap, kesemua peringkatnya mengandungi semua jenis ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta bagi menyingskap petunjuk jalan yang akan menyinari kehidupan mereka. Dr. Muslih al-Bayumi (1976) pula mendefinisikan dakwah itu sebagai pelaksanaan alim ulama' dan orang-orang yang memahami agama, mengajar orang ramai supaya mereka dapat memahami perkara-perkara agama dan dunia sekadar kuasa yang ada pada mereka.Zaidan (1978) mendefinisikan dakwah sebagai panggilan ke jalan Allah S.W.T. iaitu agama Islam agama yang diturunkan kepada Nabi.

'Abd al-Karim Zaydan (1992) dalam kitabnya *Usul al-Da'wah* menjelaskan bahawa dakwah ialah satu usaha menyeru manusia kepada Islam melalui contoh teladan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW mengikut kaedah yang telah ditentukan oleh Allah seperti terdapat dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Sementara itu, mengikut pendapat Rauf Syalabi (1970), dakwah ialah suatu perubahan minda masyarakat (*ideology*) daripada bukan Islam kepada pemikiran Islam, daripada alam kegelapan ke alam berilmu pengetahuan, daripada alam kesyirikan ke alam mentauhidkan Allah SWT.

Menurut Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal (1977), dakwah ialah suatu usaha yang boleh dilakukan oleh sesiapa jua yang mempunyai kemampuan dalam memberi nasihat berupa petunjuk dan bimbingan yang betul kepada umat Islam. Kerja dakwah tiada batasan sempadan dan waktu walau di mana mereka berada dan pada bila-bila masa. Kerja dakwah terhenti apabila seseorang dipanggil menemui Allah SWT iaitu mati. Kerja-kerja dakwah diteruskan oleh para pendakwah demi menegakkan agama Allah hingga hari kiamat. Yusof al-Qaradawi (1978), menjelaskan bahawa dakwah ialah kegiatan mengajak orang lain supaya mendekati ajaran Islam, melakukan apa-apa yang disuruh oleh Allah dan meninggalkan segala yang dilarang, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri kepada Allah SWT dan memohon pertolongan hanya kepada Allah SWT.

Sementara itu Syeikh Ali Mahfuz (1979) menjelaskan dakwah ialah usaha untuk memberi dorongan kepada manusia ke arah melakukan kebajikan dan

meninggalkan sesuatu yang dilarang (kejahatan) supaya mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Asas kerja dakwah ada dua iaitu menyuruh manusia melakukan amal kebajikan dan mencegah manusia melakukan kerja maksiat. Kedua-dua kerja dakwah ini hendaklah berjalan secara serentak. Musleh Sayyid Bayumi (1976), berpendapat dakwah ialah usaha menyelamatkan umat manusia daripada kesesatan dan kejahanan serta mengingatkan mereka supaya menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang boleh menyebabkan mereka mendapat balasan azab neraka yang pedih pada hari pembalasan nanti.

Dari pengertian di atas dapatlah dirumuskan bahawa penyampai dakwah atau pendakwah (da'i) merupakan tunjang utama untuk memastikan kejayaan dakwah kerana ia adalah salur utama ke arah membumikan ajaran Islam. Pendakwah yang berjaya ialah mereka yang mampu untuk menarik orang ramai terdiri daripada berbagai-bagai bentuk mentaliti kecenderungan, status dan ilmu pengetahuan mengikuti dan menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Kejayaan usaha dakwahnya bergantung kepada penguasaannya dalam aspek-aspek berikut : iaitu memahami Agama Allah, qudwah 2 hasanah, sabar, lemah lembut dan pembelas, memudahkan bukan menyusahkan, tawadhu dan merendah diri, manis muka dan manis tutur kata (Berhanudin Abdullah,1997:64).

### **3.0 Penubuhan Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS**

Definisi al-riqab berdasarkan Majlis Agama Islam Selangor ialah seseorang yang terbelenggu di bawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik. Terbelenggu dengan gaya hidup songsang seperti pelacur, lesbian, homoseksual, mak nyah atau transeksual, biseksual, pengkid, tomboy, gigolo dan bersekedudukan dengan orang bukan Islam (Azman Ab Rahman et al., 2018).

Penubuhan Bahagian Pemulihan Al-riqab adalah bagi membantu golongan riqab ini mendapat manfaat wang zakat melalui program pemulihan yang dilaksanakan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan dibantu badan bukan kerajaan berdaftar bertujuan mendidik dan membimbing mereka menjadi mukmin yang direhdai. Pengerusi Jawatankuasa Riqab negeri, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof yang menyatakan bahawa bantuan keperluan hidup turut diberikan kepada golongan ini, sebagai contoh, asnaf riqab diberi bantuan sewa rumah supaya mereka boleh berhijrah ke tempat tinggal yang lebih baik untuk istiqamah dengan cara hidup bersyariat. Bukan sahaja golongan riqab malah penjaga turut mendapat bantuan kewangan bulanan untuk menggalakkan asnaf riqab menghadiri kelas bimbingan dianjurkan MAIS.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut menyalurkan bantuan lain antaranya modal perniagaan dan perubatan untuk meringankan beban kehidupan serta untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi juga sosial masyarakat Islam khususnya selaras hukum syarak.

Antara fungsi-fungsi Bahagian Pemulihan Al-riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah menyelaras dan menyelia aktiviti rumah kebajikan dan perlindungan yang terdapat di Negeri Selangor agar seragam dari segi pengurusan di setiap tempat. Bahagian ini juga berperanan dalam menguruskan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dalam gejala sosial. Selain itu, Bahagian Pemulihan Al-riqab juga memainkan peranan dalam menguruskan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada individu dan kumpulan Islam yang memerlukan pemulihian akidah.

#### **4.0 Perlaksanaan Program Dakwah Oleh Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS Terhadap komuniti LGBT**

Golongan LGBT Muslim adalah pada asasnya Islam. Walaupun mereka terjebak dengan perilaku yang bertentangan dengan fitrah, ruang dan peluang harus diberikan kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan. Walaupun mereka sedar mereka terjebak dalam kancang maksiat, tetapi kita percaya jauh di sudut hati mereka, mereka sedar apa yang mereka lakukan adalah tidak normal dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Oleh yang demikian, Bahagian Pemulihan Al-riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), telah menyediakan satu program khusus untuk golongan LGBT yang membuka peluang dan ruang untuk memberi bimbingan dan ajaran agama yang sepatutnya dibuat oleh MAIS. Program dakwah dan pemulihan kepada golongan LGBT ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2012 dan mulai diberi pengukuhan dan penambahbaikan pada tahun 2015.

Di bawah Bahagian Pemulihan Al-riqab telah diwujudkan satu Unit Prihatin sebagai unit khusus yang bertanggungjawab melaksanakan program LGBT. Unit ini menjalankan program dengan kerjasama NGO khusus golongan LGBT. Tujuan utama unit ini bagi melaksanakan program berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003 bahawasanya:

*“Perkara 7(1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam negeri Selangor selaras dengan hukum syarak”.*

Selain itu, program pemulihan LGBT yang dijalankan bertujuan untuk melaksanakan rawatan, pemulihan, perlindungan dan pengawalan kepada asnaf riqab khususnya golongan LGBT. Menyampaikan dakwah dan ilmu Islam kepada golongan LGBT merupakan tugas dan tanggungjawab semua namun dengan adanya program pemulihan riqab, maka tanggungjawab tersebut telah dilaksanakan oleh Bahagian Pemulihan al-riqab.

Pelaksanaan program dakwah yang baik akan memberikan kesan kepada sasaran dakwah ke arah pembinaan peribadi muslim yang dicita-citakan. Salah satu cara dakwah yang efektif adalah dakwah melalui organisasi atau pertubuhan Islam. Hal ini kerana dakwah melalui pertubuhan boleh memberikan tumpuan kepada

pelaksanaan program dakwah yang padu, tersusun rapi dan menyeluruh. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

#### 4.1 Ziarah Ke Rumah Atau ke Lokasi Pilihan (Temumesra)

Program ini merupakan satu program yang dianjurkan bagi mendekati komuniti LGBT secara berhikmah dan bijaksana. Penganjuran program ini adalah merupakan salah satu medium yang sangat berkesan untuk mendekati masyarakat LGBT yang terpesong daripada landasana agama sekaligus merapatkan ukhwah dan silaturrahim sesama Islam. Program ini juga jelas menunjukkan bahawa kumpulan LGBT tidak dipinggirkan. Sebagai mana firman Allah SWT:

*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).” (Al-Maidah: 2).*

Program Ziarah ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mendekati kumpulan sasaran dalam kalangan komuniti LGBT yang beragama Islam dalam bentuk dakwah *bil hal*. Melalui kaedah ini, mesej dan risalah Islam disampaikan dalam bentuk perlakuan yang menampilkan wajah Islam yang mesra dan mampu menawan hati golongan sasaran. Di samping itu, Bahagian pemulihan al-Riqab Mais turut berkesempatan mengajak dan memaklumkan kepada komuniti tentang program-program susulan yang pihak MAIS tawarkan.

Walaupun program ziarah dilihat sebagai suatu program ringkas, namun impak program tersebut cukup besar. Golongan-golongan LGBT kini semakin bebas dari salah tanggap (stigma) negatif kepada institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan terdapat beberapa orang dalam kalangan LGBT yang ingin melibatkan diri dalam program yang dipromosikan kepada mereka. Program ziarah ini telah membantu Bahagian Pemulihan Riqab mengenal pasti latar belakang individu LGBT dari sudut kekeluargaan dan taraf hidup. Hal ini bagi melihat suasana dan persekitaran kehidupan golongan ini dan kebolehterimaan ahli keluarga mereka terhadap golongan LGBT sebagai sebahagian daripada keluarga.

#### 4.2 Kembara Mahabbah Komuniti Disayangi

Program Tautan Mahabbah telah banyak kali diadakan oleh Majlis Agama Islam Selangor dan antara program yang telah diadakan ialah program Kembara Mahabbah Komuniti Disayangi Siri 1/2020. Seramai 29 orang peserta dari kalangan komuniti LGBT telah mengikuti program yang diadakan selama 3 hari 2 malam bermula pada 21 hingga 23 Februari 2020 di Kota Bharu. Komuniti LGBT lebih menyukai program outdoor berbanding program indoor. Program ini bertujuan memberi pendedahan ilmu agama dan aspek kesihatan selain menghilangkan pelbagai prasangka negatif dalam kalangan komuniti LGBT. Kembara Mahabbah lebih meliputi kepada aktiviti-aktiviti santai dan membina hubungan yang lebih rapat antara pengajur program dengan peserta yang terlibat.

Aktiviti-aktiviti dalam Program Ziarah Mahabbah adalah seperti lawatan ke sekitar kawasan setempat, sesi perkongsian dan pengenalan program. Selain itu, kuiz juga turut dijalankan yang bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan peserta. Soalan-soalan kuiz adalah berkenaan dengan soalan-soalan asas Islam dan sejarah

setempat. Disamping itu, sesi muhasabah diri turut dijalankan bagi memberikan kesedaran kepada para peserta agar sentiasa berusaha menjadi hamba Allah yang bertaqwa dalam apa jua keadaan sekalipun.

Bagi memenuhi keperluan rohani, para peserta dan pengajur solat berjemaah setiap waktu solat dan selepas solat fardhu Subuh diadakan tazkirah pendek yang berkaitan tentang agama Islam dan akhlak murni. Peserta yang mengikuti program ini juga berpeluang untuk mengikuti aktiviti riadah dan sukan.

#### 4.3 Kelas Bimbingan Agama (berjadual)

Kelas Bimbingan Agama merupakan kelas yang diadakan secara berjadual atau berkala kepada golongan LGBT untuk mempelajari tentang ilmu asas Islam, Tajwid dan cara membaca Al-Quran, serta Adab Muamalah. Berikut adalah jadual bagi Kelas Bimbingan Agama (Berkala/ Berjadual):

##### Tarikh Tempat Peserta Silibus

Hari Sabtu dan Ahad setiap minggu KMK Klang 30 orang Ilmu asas Islam Isnin dan Khamis malam Pertubuhan PAFI Ampang 15 orang Ilmu asas Islam Isnin dan Rabu malam Pertubuhan Usrah Fitrah 20 orang Tajwid dan mengaji Khamis malam Pertubuhan Usrah Fitrah 20 orang Adab Muamalah

Kelas ini berlangsung dengan secara tertutup. Kelas mengaji, kelas fardhu ain dan juga usrah hanya dibuka kepada kumpulan komuniti sahaja supaya mereka dapat menyesuaikan diri pada keadaan semasa dengan lebih selesa.

#### 4.4 Program Usrah

Perkatan Usrah membawa makna keluarga iaitu merupakan satu medan di mana ahlinya bersama menjalani satu proses pembentukan yang di bina di atas semangat al ukhuwwah al-islamiyah. Satu proses pembentukan ini membawa makna penekanan dan perbincangan di dalam usrah mencukupi satu bidang yang luas dan menyeluruh. Penekanan terhadap unsur-unsur yang akan melahirkan peningkatan dalam kefahaman dan penghayatan terhadap islam sebagai sistem *Syumul Wa Mutukamil* (lengkap lagi melengkapi) yang akan melahirkan semangat juang dan ketahanan secara berjamaah.

Di dalam usrah ini mereka diberi peluang untuk berkongsi menceritakan tentang kebesaran Allah dan juga sirah Nabawiyyah. Tujuan Usrah ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pengetahuan agama golongan komuniti ini secara individu. Ia juga dapat menambahkan pengetahuan agama dalam setiap perkongsian mereka. Selain itu juga sharing moment juga turut diadakan antara setiap ahli bagi berkongsi pengalaman yang positif mereka setelah berhijrah kepada kehidupan fitrah. Jelasnya, banyak cabaran yang telah dilalui mereka. Program Usrah ini juga terbukti berkesan apabila golongan komuniti yang berubah ke arah kebaikan dan menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka. Terdapat juga dari kalangan mereka yang berusaha membawa kumpulan komuniti yang masih hidup di lorong-lorong gelap, mengamalkan cara hidup songsang mengikuti program-program yang disediakan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah (Noor Hafizah Harid and Norsaleha Mohd Salleh 2018).

Usrah menjadi satu medan membina kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran menyampaikan pendapat, kemahiran menghargai pendapat, kebijaksanaan membina rumusan dan realistik dalam tindakan.

Program ini memperkuuh nilai iman dan persaudaraan. Kasih sayang dan rahmah kepada insan dan alam. Membina kesedaran bahawa ia nilai yang sangat penting dalam komunikasi dan menjalin hubungan sesama insan dalam alam sekitar. Islam amat mengalakkan umatnya untuk menjalinkan kasih sayang antara satu sama lain kerana tidak sempurna iman seseorang muslim itu jika tidak menyayangi saudara muslim yang lain sebagaimana mencintai diri sendiri.

#### 4.5 Kelas Pengukuhan Agama

Kelas Pengukuhan Agama adalah program yang lebih fokus kepada tiga aspek iaitu Ibadah, Spiritual dan kasih sayang. Program-program Ibadah yang dijalankan adalah memfokuskan kepada praktikaliti dan pemahaman tentang Islam serta pengukuhan ibadah seperti Program Pengukuhan Agama Islam, Program Sokongan Mengerjakan Ibadah Umrah Haji dan Program Penghayatan Pelaksanaan Amalan Islam turut diadakan.

Manakala program-program yang diadakan berkaitan dengan rawatan spiritual Islam pula ialah seperti latihan selama sepuluh hari di Madrasah dan mewujudkan alumni asnaf riqab kategori LGBT. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membantu golongan LGBT mengukuhkan rohani mereka dan membina kekuatan yang cukup untuk menghindarkan diri dari kembali terjebak dengan gejala LGBT. Peserta yang mempunyai potensi untuk pulih sepenuhnya dan berkepimpinan akan dijadikan sebagai alumni kepada peserta-peserta lain. Perkara ini bagi memudahkan pengurusan dan pemahaman situasi berdasarkan masalah yang dihadapi oleh golongan LGBT ini.

#### 4.6 Bantuan Dan Kebajikan

Program Bantuan dan Kebajikan. Program ini diadakan bagi meraikan golongan LGBT yang ingin pulih dengan memberikan sumbangan dan kebajikan semasa proses pemulihan dan rawatan mereka. Antara program yang pernah dianjurkan adalah seperti Majlis Iftar & Terawih Berjemaah Komuniti Disayangi 2018 yang bertempat di Kompleks Satey Kajang Hj Samuri, Kajang. Pihak Majlis Agama Islam Selangor juga turut memberikan bantuan berbentuk material atau keperluan hidup seperti agihan bantuan sempena menyambut Syawal kepada golongan LGBT yang menyertai program pemulihan.

### 5.0 Perbincangan

LGBT secara jelas di dalam Al-Quran, demi menjaga dan memelihara manusia dan tamadun manusia. Keutamaan dalam konteks maqasid syariah untuk memelihara agama dan keturunan dengan penekanan kepada maslahah ummah hendaklah menjadi tunjang dalam mendepani ancaman dan cabaran ini (Musti'ah, 2016).

Program-program yang diadakan oleh Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam ini dilihat memberi impak yang besar kepada masyarakat terutamanya golongan LGBT. Program-program ini perlu diteruskan dan ditambahbaik seiring dengan perubahan zaman dan keadaan sosial semasa bagi memulihkan golongan LGBT di negara ini. Kekuatan dan keberkesanannya program dakwah perlu diteliti

dengan lebih mendalam supaya dapat merangka dan melaksanakan program yang lebih efisen dan berupaya mencari inisiatif dan alternatif terbaik. Tindakan yang wajar dan sesuai seharusnya diambil oleh pihak berkuasa bagi memberikan kesedaran kepada golongan LGBT dan mengelakkan dari golongan ini terus berusaha memperjuangkan ‘hak’ mereka (Azman et al., 2019).

Pandangan dan maklum balas daripada golongan LGBT yang menyertai program tersebut dilihat sangat memberangsangkan dan memuaskan hati pihak pengajur program. Selain daripada mendapat ilmu agama, para peserta juga dapat memulihkan diri mereka kepada fitrah asal. Walaupun program-program yang dijalankan tidak mampu memulihkan golongan LGBT dengan sepenuhnya, namun tindakan yang proaktif ini perlu terus disokong oleh orang ramai (Noor Hafizah & Norsaleha, 2018).

Setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu menolak gejala LGBT ini daripada disebarluaskan dan menjadi satu normalisasi dalam masyarakat. Antara kaedah dan peranan masyarakat yang boleh dilakukan adalah dengan mengelak stigma, kritikan negatif dan pandangan serong masyarakat terhadap golongan itu. Hal ini menyukarkan lagi kumpulan LGBT untuk dipulihkan, selain faktor kurangnya kefahaman agama dan penerapan kasih sayang dalam institusi kekeluargaan (Afandi et al., 2020).

## **6.0 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, apabila diteliti sememangnya MAIS telah memberi sumbangan yang besar di dalam usaha membantu dan memulihkan komuniti kepada kehidupan yang normal. Program-program yang diadakan oleh Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam ini dilihat memberi impak yang positif kepada masyarakat terutamanya golongan LGBT. Program-program ini perlu diteruskan dan ditambahbaik seiring dengan perubahan zaman dan keadaan sosial semasa bagi memulihkan golongan LGBT di negara ini.

Dakwah agar golongan LGBT kembali fitrah merupakan dakwah yang mulia. Usaha agar mereka kembali kepada kehidupan yang normal merupakan satu ibadah dan pahala yang besar. Dakwah itu menuntut kita mencari pendekatan yang terbaik dan sesuai dengan keadaan golongan sasaran. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan al-hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk”. (Surah al-Nahl: 125).

Maka, laras bahasa yang kita guna pakai dalam mengimbangi dakwaan mereka bahawa mereka juga mempunyai hak sebagai manusia hendaklah berkesan dan difahami oleh generasi kini. Kita wajar menjelaskan kepada mereka bahawa Islam menolak seruan dan amalan seks yang songsang tersebut, namun dalam masa yang sama, Islam mengiktiraf sudut-sudut yang lain dari segi keinsanan dan persaudaraan sesama muslim. Ajaran Islam sentiasa memberikan harapan untuk

manusia kembali kepada Allah dengan penuh penuh cinta dan taubat. Agama ini tidak menjadikan manusia putus asa sebaliknya sentiasa memberikan harapan dan sinar ke arah yang lebih baik. Golongan LGBT sama seperti para pendosa yang lain, di hadapan terbentang luas pintu untuk kembali kepada Tuhan Yang Maha Penyayang.

### Rujukan

Al-Quran

- Abdullah, Z., Sa'ari, C. Z., & Chang, L. W. (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2), 279–322. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.9>.
- Afandi, M., Nasri, S., Yahaya, H., Hafiz, I., & Najib, M. (2020). Isu Lgbt Di Malaysia : Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian Lgbt Issues in Malaysia: a Review of Research Aspects. 3(1), 459–470.
- Ahmad M.I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreen, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. 2015. Faktor Dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes. Journal of Social Sciences and Humanities. Vol.10. No.1
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Arif, M., & Zubaidah, S. (2019). Jenayah Syariah Golongan Mak Nyah: Isu dan Masalah Penguatkuasaan di Negeri Melaka. *Jurnal Ilmi*, 9, 30–43.
- Awang, N. N., & Muhamat, R. (2020). Approach of Dakwah through Usrah to Lesbians. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 91–96. Retrieved from <http://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/106>.
- Azizul Azra Bin Abdul Razak, & Mohd. Hisyam Bin Abdul Rahim. (2018). Falsafah Dakwah Bil hal : Menurut Perspektif Al-Quran, 1–17.
- Azman Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Muhamad Firdaus Ab Rahman, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2018). Golongan LGBT Sebagai Penerima Zakat Menurut Konteks Maslahah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*.
- Azman, Norfatihah, Anwar, M., & Mursyid. (2019). Program Pemulihan lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam Selangor ( MAIS ). *International Journal Of Academic Research*, 6(2).
- Azmi, K. R. (2015). Enam Kontinum Dalam Konseling Transgender Sebagai Alternatif Solusi Untuk Konseli LGBT. *Jurnal Psikologi Pendidikan Dan Konseling: Jurnal Kajian Psikologi Pendidikan Dan Bimbingan Konseling*, 1(1), 50. <https://doi.org/10.26858/jpkk.v1i1.1136>.

- Batri, N. M., Mohd Yusof, F., Muhamad, S. N., Hassan, A. M., Ripin, Mohd. N., & Haron, Z. (2016). Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains. *Sains Humanika*, 8(4). <https://doi.org/10.11113/sh.v8n4.1033>
- Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim> diakses pada 15 November 2020.
- Fitri, S., Firdaus, K., & Ajmain, T. (2019). FIQH BOYCOTT ON LGBT COMMUNITY : A REVIEW. *International Journal Of Academic Research*, 6(2), 35–49.
- Izzat, M., Syahlan, M., Hanapi, H., & Mohd Hassan, F. (2018). Salah Laku Lgbt Dalam Perundangan Malaysia : Undang- Undang Sebagai Mekanisme Pembanterasan dan Kawalan Misconduct of LGBT in the Malaysian Law : Law as the Mechanism of Obliteration and Control. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 1(1), 19–34.
- Kamal Azmi Abd Rahman. 2015. Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial Yang Mempromosikan Agenda LGBT Dalam Isu-isu Semasa Media Dan Dakwah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 50.
- Khairul Hamimah Muhammad Jodi, Noor Hafizah Mohd Haridi. 2018. Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah. International Seminar on Human Development (Is-Hud'18). 22 November 2018.
- Laman Web Majlis Agama Islam Selangor. <http://www.mais.gov.my/organisasi/sektor-pembangunan-sosial/bahagian-pemulihan-al-riqab> diakses pada 25 November 2020.
- Mahfuzah Mohammad. (2015). Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah (Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender: A Syariah Criminal Law Perspective). *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat. Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 19(0), 29–36.
- Memahami Lesbian, Gay, Bioseksual dan Transgender Dari Perspektif Seorang Muslim. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Yayasan Ihtimam Malaysia, t.th.
- Moradi, B. (2016). Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender Issues. In *Encyclopedia of Mental Health: Second Edition* (pp. 19–24). Elsevier Inc. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-397045-9.00242-1>.
- Musti'ah. (2016). Lesbian Gay Bisexual and Transgender (Lgbt): Pandangan Islam, Faktor Penyebab, Dan Solusinya. *Jurnal Pendidikan Sosial*.
- Noor Hafizah Harid, & Norsaleha Mohd Salleh. (2018). Pertubuhan Usrah Fitrah. *International Conference On Islamiyat Studies*, (September), 8.

- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman, & Rosni Wazir. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (Lgbt). *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2), 103–119.
- Noor Hafizah Haridi, Norsaleha Mohd Salleh. (2016). Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgander (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama Di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic & Social Studies*, 2(2), 205. [https://doi.org/10.30983/islam\\_realitas.v2i2.190](https://doi.org/10.30983/islam_realitas.v2i2.190).
- Ramli, M. Y. H., Balaraman, R. A., & Mohamad Saleh, M. S. (2017). Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita. *Forum Komunikasi*, 12(2), 59–74.
- Temubual dengan Dr. Azizul. Pendakwah Bebas. Selayang jam 11.00 am. 27 Ogos 2020.
- Temubual dengan Fadzirul Akmal bin Mohd Sharif, Penguasa Pusat Pemulihan Dadah Baitul Islah MAIS & AADK. KUIS jam 2.30 pm. 2 Julai 2020.